

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM – BN]**

SOALAN (NO. 162)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program yang telah dan akan dirancang untuk membangunkan sukan prestasi tinggi di Sabah khususnya kawasan luar bandar.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Institut Sukan Negara telah dan sedang melaksanakan program Pengenalpastian Bakat sepanjang tahun 2014 di Sabah dan antaranya adalah di Keningau, Sandakan, Semporna dan Tawau. Di samping itu, Kementerian Belia dan Sukan Sabah dengan kerjasama Pusat Satelit ISN Sabah juga telah melaksanakan program 'Jelajah Sains Sukan' di mana program ini bertujuan untuk memberi pendidikan sains sukan kepada jurulatih dan pengamal sukan di peringkat akar umbi.
2. Program ini juga telah bermula sejak tahun 2011 dan dilaksanakan secara berperingkat. Antara daerah yang telah terlibat ialah Beluran, Telupid, Tongod, Sandakan, Tawau, Paitan, Papar, Tuaran, Tamparuli, Kuala Penyu, Beaufort dan SMK Penanggah. Manakala beberapa daerah yang bakal diadakan pada tahun 2014 adalah di Penampang, Tamparuli, Kota Belud, Lahad Datu dan Tawau

Sekian, terima kasih.